

31/10/2003

Naik sampan rawat pesakit

By Johari Ibrahim

"KALAU pesakit tidak datang, bagaimana nasib klinik kita nanti?"

Ungkapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu masih segar dalam ingatan Zainal Md Zain yang bekerja di Klinik Maha sejak 1959 sehingga sekarang.

Katanya, Dr Mahathir cukup pantang jika ada pekerjaanya tidak mengendahkan pesakit atau cuai terhadap pesakit.

Beliau berkata, sebaik klinik dibuka pada jam 8 pagi, petugas perlu memastikan pesakit yang serius dulu dibenarkan masuk berjumpa beliau, seperti orang tua, kanak-kanak serta pesakit yang datang dari jauh kerana masalah pengangkutan ketika itu.

Zainal yang lebih dikenali sebagai Pak Non berkata, waktu tutup klinik pula tidak menentu kerana selagi ada pesakit selagi itulah Dr Mahathir akan merawatnya.

"Satu peristiwa yang tidak dapat saya lupa ketika Dr Mahathir merawat pesakit ialah beliau sanggup keluar dari kliniknya untuk merawat seorang pesakit yang datang dengan perahu dan berlabuh di Sungai Kedah dekat Pekan Melayu.

"Oleh kerana pesakit yang datang dari jauh itu tidak mampu datang ke klinik, beliau sendiri pergi dan naik sampan serta merawat pesakit itu di atas sampan," kata Zainal.

"Itulah Dr Mahathir yang saya kenal, dia cukup mengambil berat terhadap pesakitnya tidak kira kanak-kanak, orang muda atau orang tua," katanya.

Zainal berkata, Dr Mahathir yang juga anak Melayu pertama membuka klinik di Alor Star, pernah memberitahunya, niatnya membuka klinik itu adalah untuk orang kampung berjinak dengan perubatan moden kerana ketika itu orang Melayu lebih percayakan pawang dan bomoh.

Katanya, kebanyakan pesakit yang datang ke Klinik Maha adalah Melayu yang majoritinya miskin.

Bagi memudahkan urusan klinik dengan pesakit, Dr Mahathir mewujudkan kod kepada pekerja seperti A, B, C, D, E ataupun NC dan PAA, bergantung kepada pesakitnya.

"Semua kod itu mempunyai maksud tersendiri. Contohnya, jika pesakit itu dikategorikan pesakit A, maka kami tahu bayarannya ialah satu ringgit, B dua ringgit dan begitulah seterusnya.

"Kalau pesakit itu dikategori PAA, ini bermakna pesakit itu orang susah dan terima sahaja beberapa yang diberi. Ia singkatan daripada 'Pay Any Amount'.

"Jika pesakit itu dikategori NC, ini bermakna jangan sama sekali menerima apa-apa bayaran. NC bermakna 'No Charge' yang mana ia untuk mereka yang benar-benar susah.

Zainal berkata, apa yang unik mengenai Dr Mahathir ialah sesibuk mana sekalipun, buku tulis dan majalah atau buku tetap sahaja di depannya.

(END)